

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN RESTORAN RAKYAT, KUALA LUMPUR, PADA 30^{HB} OGOS, 1973

Yang Berbahagia Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Restoran Rakyat, Yang Berbahagia Datuk Bandar,¹ Yang Berhormat Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian yang hadir,

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Restoran Rakyat dan juga Datuk Bandar kerana menjemput saya merasmikan pembukaan Restoran Rakyat ini dan seterusnya menikmati hidangan sulung Restoran ini meskipun semua orang dikenakan bayaran untuk kali pertama ini.

Seperti yang sedia dimaklum, tujuan Kerajaan mendirikan Restoran Rakyat ini ialah untuk menyediakan makanan dengan harga yang murah tetapi mempunyai cukup zat atau "balanced diet" terutamanya kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan juga kepada pelawat-pelawat dari luar bandar yang datang melawat Ibu Kota ini.

Adalah nyata Restoran ini merupakan satu langkah Kerajaan yang positif untuk menolong mereka yang berpendapatan rendah dan dengan itu mengurangkan belanja hidup rakyat lebih-lebih lagi dalam keadaan inflasi seperti sekarang. Oleh itu Restoran Rakyat ini bolehlah dikatakan berlainan daripada perniagaan-perniagaan biasa kerana ianya tidak mementingkan keuntungan tetapi untuk berkhidmat kepada orang ramai.

Kita semua tahu ramai pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah baik dalam Kerajaan ataupun swasta datang ke pejabat dari pagi dan hanya pulang pada waktu petang dan kadang-kadang larut malam. Bagi mereka ini makanan tengah hari dan sarapan pagi pun menjadi satu masalah meskipun ada kantin di setengah-tengah jabatan. Dengan adanya Restoran Rakyat ini, mereka bolehlah mendapat makanan tengah hari dengan harga murah dan di tempat yang agak selesa. Hanya di sini mereka kenalah beratur dan mengambil sendiri atau self-service. Saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan mencontohi usaha ini dan menubuhkan

¹ Y.B. Tan Sri Datuk Yaacob bin Latif.

Restoran Rakyat di bandar-bandar ibu negeri untuk maksud yang sama supaya ini menjadi satu institusi yang kekal di negara ini.

Untuk menghilangkan keraguan setengah-setengah pihak, saya ingin menegaskan di sini bahawa Restoran Rakyat ini bukanlah bertujuan hendak bersaing dengan penjaja-penjaja kecil yang telahpun sedia berniaga makanan di Kuala Lumpur. Maka itu saya telah mengarahkan supaya Restoran ini hanya menjalankan perniagaannya pada sebelah pagi dan tengah hari sahaja dan tidak di sebelah malam supaya penjaja-penjaja kecil yang sedia berniaga di sini, khasnya di kawasan yang berdekatan dengan Restoran Rakyat ini, tidak kehilangan pelanggan-pelanggan mereka.

Oleh kerana Restoran ini bukan bertujuan mencari untung, jadi semua operasinya di susun untuk mengurangkan perbelanjaan. Pentadbirannya diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pengelola dan segala perkhidmatan mentadbirkan Restoran ini dijalankan oleh Jawatankuasa Pengelola ini dengan sukarela. Saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola kerana kerelaan mereka menyumbangkan tenaga bagi usaha bakti ini dan bertungkus lumus membuat persediaan supaya Restoran Rakyat ini dapat memulakan perniagaannya pada hari ini. Saya harap mereka akan terus berkhidmat dengan cara sukarela supaya Restoran ini terus berkhidmat demi kepentingan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah dan rakyat umum.

Saya juga diberitahu ada beberapa agensi Kerajaan yang telah memberi berbagai rupa kemudahan dan bantuan kepada Restoran ini untuk mengurangkan perbelanjaannya. Kepada agensi-agensi ini saya ingin mengucapkan terimakasih terutamanya kepada;

Dewan Bandaraya yang telah mengeluarkan perbelanjaan mendirikan bangunan Restoran Rakyat yang begitu indah dan menyediakan kerusi meja serta perkakas dapur;


Lembaga Letrik Negara kerana memberikan bekalan letrik dengan kadar rendah atau concession;

Kerajaan Negeri Selangor kerana membekalkan air kepada Restoran ini dengan kadar minima;

Dan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara yang membekalkan beras kepada Restoran ini.

Saya juga berterimakasih kepada syarikat-syarikat dan orang-orang individu yang telah menderma kereta dan alat-alat serta perkakas-perkakas tertentu untuk kegunaan Restoran ini. Sumbangan mereka itu amatlah dihargai.

Akhirnya saya ingin mendoakan selamat berjaya kepada Restoran Rakyat ini dan dengan sukacitanya merasmikannya.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang membeli makanan tengahari yang pertama di Restoran Rakyat pada 30hb Ogos, 1973 sempena pembukaan Restoran Restoran ini.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)